

15/02/2003

11 rakyat Palestin sertai program

KUALA LUMPUR: Sekumpulan 11 rakyat Palestin, termasuk empat remaja tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) malam semalam bagi menyertai beberapa program sempena Kempen Aman Malaysia.

Kumpulan itu, termasuk empat remaja Palestin berusia antara 15 dan 16 tahun masing-masing dua lelaki dan perempuan, tiba pada jam 9 malam menaiki pesawat Diraja Jordan dari Amman, Jordan.

Kumpulan yang diketuai Ketua Pengarah Kegiatan Pelajar Kementerian Pendidikan Palestin, Muntaha Jarrar, disambut sekumpulan remaja Malaysia serta ahli Puteri Umno.

Mereka akan berada di negara ini selama seminggu dan dijangka hadir pada majlis perhimpunan raksasa Aman Malaysia yang dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Stadium Nasional, Bukit Jalil pada 23 Februari ini.

Sepanjang di Malaysia, mereka akan dikendalikan Pergerakan Puteri Umno.

Turut menyambut mereka di KLIA, Exco Puteri Umno, Norhamizah Mat Tahir dan Norashikin Che Onn serta wakil Pemuda Umno, Datuk Abdul Hamid Mohd Nazahar.

Muntaha ketika ditemui berkata, beliau bersyukur tiba selamat di Malaysia, sebuah negara yang aman tanpa sebarang kekacauan.

"Saya bersyukur dan rakyat Malaysia juga sepatutnya bersyukur kerana dapat hidup dalam suasana amat tanpa peperangan seperti di Palestin yang sentiasa dalam ketakutan," katanya.

Beliau berkata, di bumi Palestin mereka sentiasa ketakutan akibat kekejaman tentera Israel yang menyerang penempatan mereka dengan kereta kebal dan mortar serta merobohkan kediaman mereka.

Muntaha berkata, kehadiran remaja Palestin di negara ini dapat menceritakan sendiri pengalaman dan kesengsaraan mereka yang sentiasa ditindas, termasuk tidak dibenarkan bersekolah.